



**LAPORAN TAHUNAN**

**2018**

**PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI  
(PUSPEK)**



# ISI KANDUNGAN

Sidang Editorial	2
Perutusan Penolong Naib Canselor	4
Visi, Misi dan Nilai-Nilai Teras	5
Piagam Pelanggan	6
Latar Belakang	7
Carta Organisasi	8
Senarai Staf PUSPEK	10
Petunjuk Prestasi Utama	11
Pembangunan Korporat	14
• Laporan Aktiviti 2018 : Pembangunan Korporat	16
Pengurusan Kualiti	23
• Laporan Aktiviti 2018 : Pengurusan Kualiti	25
Laporan Latihan Staf 2018	36
Laporan Cuti Staf 2018	37
Laporan Kewangan	
• Laporan Perbelanjaan 2018	40
• Laporan Kewangan PUSPEK 2018	41

Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

Dr. Norshahrizan Nordin

En. Abdul Ghani Fathil

Pn. Nurul Asyikin Fadzil


En. Mohamed Roshimi Md Shahor

En. Budiman Ikhwandee Fadzilah

En. Muhammad Hidham Haris


Pn. Nurul Asyikin Fadzil

En. Mohd Fazlie Yusoff





**PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT  
DAN PENGURUSAN KUALITI  
(PUSPEK)**



# PERUTUSAN

## Penolong Naib Canselor

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT di atas limpah kurniaNya, Laporan Tahunan 2018 Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK) berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Pada tahun 2018, PUSPEK terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan usaha untuk kecemerlangan pembangunan korporat dan pengurusan kualiti universiti, selaras dengan misi PUSPEK, “Memimpin dan Memimpin dan Menyangga Agenda Universiti ke Arah Budaya Kerja Berprestasi Tinggi”.

PUSPEK dengan penuh yakin bergerak cergas dan dinamik bagi mencapai dan merealisasikan aspirasi univervisiti. Cabaran utama tahun 2018 ialah untuk memastikan pelan tindakan UniMAP 2025 (Fasa 1: 2018-2019) dilaksanakan dan dipantau, serta mencapai sasaran masing-masing. Pelaksanaan pelan tersebut yang mengambil pendekatan proses, memerlukan komitmen penuh daripada semua pihak pelaksana dan pihak berkepentingan.

Selain itu, tugas-tugas utama PUSPEK terus dilaksanakan seperti memastikan proses-proses penting UniMAP dipatuhi dan data pencapaian UniMAP dikumpulkan serta dianalisis untuk keperluan pihak tertentu dan UniMAP sendiri.

Objektif utama penerbitan laporan tahunan ini adalah untuk melaporkan segala aktiviti dan program PUSPEK sepanjang tahun 2018. Laporan tahunan ini akan dijadikan panduan dan rujukan untuk masa hadapan.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua staf yang telah terlibat dan bertungkus lumus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan jayanya sepanjang tahun 2018. PUSPEK akan terus bergerak maju dan berusaha untuk menjadi Pusat Teraju Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti Universiti yang cemerlang, ke arah menyokong visi UniMAP. “Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa”.

**Prof. Dr. Harshita Aini Haroon**

Penolong Naib Canselor Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)

## **MISI**

Memimpin dan Menyangga Agenda Universiti ke Arah Budaya Kerja Berprestasi Tinggi

## **VISI**

Teraju Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti Universiti yang Cemerlang

## **NILAI TERAS**

• ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN



# PIAGAM PELANGGAN

PUSPEK komited dalam menyediakan perkhidmatan professional, efektif dan efisien; serta peka terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan melalui:

- Menyediakan laporan pencapaian strategik universiti dalam tempoh lima (5) hari selepas verifikasi data telah dibuat oleh pemilik data;
- Memastikan latihan, perundingan dan audit yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang telah dipersetujui antara PUSPEK dan PTj dilaksanakan dengan berkesan seperti mana yang dirancang;
- Memastikan penyebaran maklumat berkaitan Pengurusan Strategik/ Petunjuk Prestasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dibuat dalam tempoh lima (5) hari selepas maklumat diterima, dan penghantaran maklumat kepada KPM dibuat dalam tempoh yang ditetapkan;
- Memastikan data bagi Indeks Kepuasan Staf dan Indeks Kepuasan Pelajar disediakan dan dilapor kepada pengurusan Universiti sebelum Mac setiap tahun;
- Memberi khidmat perundingan berkaitan KIK dan 5S kepada semua PTj sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) bulan;
- Memastikan Laporan Tahunan PUSPEK disediakan sebelum 15 Disember setiap tahun, dan Laporan Prestasi UniMAP disediakan pada 1 Februari setiap tahun;
- Menyediakan Infostruktur Sistem Pengurusan Strategik dan Sistem Pengurusan Kualiti yang mesra pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan.

# LATAR BELAKANG

PUSPEK dibangunkan pada 2009, dengan gabungan antara dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK).

PUSPEK ditubuhkan untuk tujuan berikut:

- Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti;
- Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan ialah rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI;
- Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pembangunan korporat UniMAP;
- Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti (seperti audit kualiti, 5S, KIK), terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP;
- Menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjana pendapatan UniMAP;
- Melaksanakan tugas/projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP.



# CARTA ORGANISASI



**PENOLONG NAIB CANSOLOR**  
**PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON**



**SETIAUSAHA PEJABAT**  
**LIYANA ABDUL HALIM**  
**@ SELVARATNAM**



**TIMBALAN PENGARAH**  
**DR. NORSHAHRIZAN NORDIN**



**PEGAWAI TADBIR**  
**MUHAMMAD HIDHAM HARIS**



**PEGAWAI TADBIR**  
**BUDIMAN IKHWANDEE FADZILAH**



**PEGAWAI TADBIR**  
**NURUL ASYIKIN FADZIL**



**PEGAWAI TADBIR**  
**ABDUL GHANI FATHIL**



**PEGAWAI IT**  
**MOHAMED ROSHIMI MD SHAHOR**



**PENOLONG PEGAWAI IT**  
**NORZAMIRA MAN**



**PEMBANTU TADBIR P/O**  
**SUHANA SHAARI**



**PEMBANTU TADBIR P/O**  
**MOHD FAZLIE YUSOFF**



**PEMBANTU TADBIR P/O**  
**ZAUYAH BINTI MUSTAFA**



**PEMBANTU AM PEJABAT**  
**HASMIZUL HASHIM**

DILULUSKAN OLEH :

**PENOLONG NAIB CANSOLOR PUSPEK**  
TARIKH : 18 OKTOBER 2018

CO/PUSPEK/002/01/018  
KEMASKINI PADA 17 OKTOBER 2018



1 ▶ **PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON**

Penolong Naib Canselor  
harshita@unimap.edu.my

2 ▶ **DR. NORSHAHRIAN NORDIN**

Timbalan Pengarah  
norshahrizan.ipmo@unimap.edu.my

3 ▶ **LIYANA ABDUL HALIM @ SELVARATNAM**

Setiausaha Pejabat  
liyanaahlim@unimap.edu.my

4 ▶ **ABDUL GHANI FATHIL**

Pegawai Tadbir  
abdulghani@unimap.edu.my

5 ▶ **MOHAMED ROSHIMI MD SHAHOR**

Pegawai Teknologi Maklumat  
roshimi@unimap.edu.my

6 ▶ **NURUL ASYIKIN FADZIL**

Pegawai Tadbir  
asyikinfadzil.ipmo@unimap.edu.my

7 ▶ **BUDIMAN IKHWANDEE FADZILAH**

Pegawai Tadbir  
ikhwandee@unimap.edu.my

8 ▶ **MUHAMMAD HIDHAM HARIS**

Pegawai Tadbir  
hidham@unimap.edu.my

9 ▶ **NORZAMIRA MAN**

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
norzamiraman@unimap.edu.my

10 ▶ **ZAUYAH MUSTAFA**

Pembantu Tadbir Operasi  
zauyah@unimap.edu.my

11 ▶ **MOHD FAZLIE YUSOFF**

Pembantu Tadbir Operasi  
fazlie@unimap.edu.my

12 ▶ **SUHANA SHAARI**

Pembantu Tadbir Operasi  
suhanashaari@unimap.edu.my

13 ▶ **HASMIZUL HASHIM**

Pembantu Am Pejabat  
hasmizul@unimap.edu.my



# SENARAI NAMA STAF PUSPEK

BIL	NAMA	JAWATAN	STATUS	
			TETAP	KONTRAK
1	PROF. DR. HARSHITA AINI BINTI HAROON	PENOLONG NAIB CANSOLOR	/	
2	DR. NORSHAHRIZAN BINTI NORDIN	TIMBALAN PENGARAH	/	
3	MOHAMED ROSHIMI BIN MD. SHAHOR	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	/	
4	ABDUL GHANI BIN FATHIL	PEGAWAI TADBIR	/	
5	NURUL ASYIKIN BINTI FADZIL	PEGAWAI TADBIR		/
6	BUDIMAN IKHWANDEE BIN FADZILAH	PEGAWAI TADBIR		/
7	MUHAMMAD HIDHAM BIN HARIS	PEGAWAI TADBIR	/	
8	LIYANA BT ABDUL HALIM @ SELVARATNAM	SETIAUSAHA PEJABAT		/
9	NORZAMIRA BINTI MAN	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT		/
10	ZAUYAH BINTI MUSTAFA	PEMBANTU TADBIR	/	
11	MOHD. FAZLIE BIN YUSOFF	PEMBANTU TADBIR		/
12	SUHANA BINTI SHAARI	PEMBANTU TADBIR		/
13	HASMIZUL BIN HASHIM	PEMBANTU AM PEJABAT	/	

Bilangan Staf PUSPEK 13 Orang

Staf Tetap 7 Orang

Staf Kontrak 6 Orang

## Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2018	PENCAPAIAN 2018
1.	Bilangan Program Perkongsian Kepakaran	3	3
2.	Bilangan program CSR	1	1
3.	Bilangan konsultasi aktif untuk pensijilan dalaman ISO.	1	1
4	Bilangan konsultasi aktif untuk pensijilan dalaman 5S.	1	1
5.	Bilangan kajian kesihatan korporat yang dihasilkan.	2	3
6.	Bilangan program pemantapan/pengukuhan strategi.	2	2



**LAPORAN AKTIVITI 2018  
PEMBANGUNAN KORPORAT**



# PEMBANGUNAN KORPORAT

## PELAN STRATEGIK UniMAP

PUSPEK memainkan peranan utama dalam pembangunan pelan strategik UniMAP. Sebagai pusat yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pembangunan korporat universiti, PUSPEK memastikan bahawa strategi universiti disebar luaskan kepada semua pemegang taruh UniMAP. PUSPEK juga memantau pembangunan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pelan yang ditetapkan, yang dikenali sebagai UniMAP 2025. Pelan tersebut, yang dirancang untuk tempoh 2018-2025, melibatkan pemilik utama dan pelaksanaan aktiviti pada pelbagai peringkat pengurusan di universiti.

Berdasarkan Pelan Strategik UniMAP 2025, Kerangka Strategik ini, UniMAP 2025 memperincikan tumpuan pelan tersebut. Kerangka ini menerangkan tiga Matlamat Strategik bagi UniMAP 2025:

- Pembelajaran Berasaskan Inovasi
- Penyelidikan Translasi
- Siswazah Siaga-Industri.

Pemangkin kepada matlamat strategik yang dinyatakan di atas adalah:

- Penciptaan Kekayaan
- Kecemerlangan Bakat
- Pemantapan Infrastruktur
- Pengukuhan Infostruktur

## PELAN PELAKSANAAN UniMAP 2025

Prestasi, pelaksanaan dan pencapaian UniMAP 2025 dipantau oleh PUSPEK, melalui platform atas talian <http://epic.unimap.edu.my/>

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil & En Budiman Ikhwandee Fadzillah*

## SISTEM PENINGKATAN KUALITI DATA KPM (MYMOHES)

PUSPEK menyelaraskan data UniMAP untuk tujuan input kepada sistem MyMoheS, yang dikendalikan oleh KPM. Sistem tersebut berfungsi sebagai repositori data bagi semua universiti awam (UA) dalam domain berikut:

- Staf
- Pelajar
- R&D&C
- Maklumat institusi

Sistem tersebut membolehkan data universiti diakses dengan segera daripada satu pusat sehati, samada oleh pihak kementerian atau sebagai memenuhi keperluan data dalaman. Memandangkan MyMohes diandaikan sebagai pembekal data universiti yang utama, data yang dibekalkan perlu disahkan dan integriti data perlu dipelihara. PUSPEK memastikan keperluan ini sentiasa dipenuhi. Proses kemasukan data dilaksanakan dengan kerjasama antara pemilik utama data berkaitan dan kumpulan pegawai ICT daripada Pusat ICT UniMAP. Mekanisme penarafan bintang digunakan oleh KPM dalam menilai data yang dibekalkan ke sistem MyMoheS, iaitu tertakluk kepada kriteria berikut: kualiti data, kesempurnaan data dan ketepatan masa. PUSPEK komited dalam memastikan data dari UniMAP memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Budiman Ikhwandee Fadzillah & Puan Nurul Asyikin Fadzil*

## **RATING SYSTEM FOR MALAYSIAN HIGHER EDUCATION (SETARA)**

SETARA, satu inisiatif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah KPM, merujuk kepada Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ia direka bentuk untuk membantu universiti memberi tumpuan kepada tiga teras utama institusi, dalam usaha kearah kecemerlangan institusi. Hal ini dilaksanakan dengan merujuk kepada metrik penilaian dan pentaksiran yang relevan, yang justeru diberi tumpuan oleh UniMAP. PUSPEK menyelaras data UniMAP untuk tujuan penilaian SETARA dalam fungsi teras pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil & En Budiman Ikhwandee Fadzillah*

## **PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENGAJIAN TINGGI)**

PUSPEK memainkan peranan utama dalam memastikan aspirasi yang ditekankan oleh KPM dalam PPPM (PT) 2015-2025 diberi tumpuan dalam strategi korporat UniMAP. Hal ini dilaksanakan melalui kerangka strategik dan inisiatif ke arah memastikan aspirasi tersebut dicapai, selain memenuhi keperluan agenda spesifik universiti. Pemantauan pelaksanaan dilaksanakan secara berterusan manakala pemantauan pencapaian dibuat setiap suku tahun melalui sistem pengurusan prestasi ePIC.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil & En Budiman Ikhwandee Fadzillah*

## **SISTEM PENGURUSAN STRATEGI**

### **ELECTRONIC PERFORMANCE INDICATOR CHANNEL (ePIC)**

Sistem ePIC dibangunkan sebagai platform atas talian yang membantu dalam pengurusan prestasi dan pelan strategik universiti. Sistem tersebut berfungsi sebagai rujukan tunggal untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkaitan Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), sasaran, inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan untuk mencapai sasaran dan KPI yang ditetapkan. Paparan grafik, diagram interaktif dan carta digunakan untuk memastikan data dan maklumat dapat difahami dengan mudah.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Mohamed Roshimi Md Shahor*

# LAPORAN AKTIVITI 2018

## PROGRAM CREATING PARTNERSHIPS DRIVING GROWTH (RETREAT KETUA JABATAN)

<b>TARIKH</b>	12-14 Februari 2018
<b>TEMPAT</b>	Kuala Lumpur, Cyberjaya & Putrajaya
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti & Ketua Jabatan UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menjalin hubungan strategik dengan industri luar.</li><li>2. Perkongsian idea mengenai Pengajian Tinggi Malaysia 4.0 (HE 4.0) dan Pembangunan Teknologi Baharu Nasional IR4.0.</li><li>3. Mengukuhkan ukhawah antara Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti &amp; Ketua Jabatan UniMAP.</li></ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Melalui program ini semua Ketua Jabatan dapat menjalin hubungan strategik dengan industri luar dengan menjalinkan rangkaian baharu dalam memajukan dan mengukuhkan hala tuju UniMAP.</li><li>• Di samping itu banyak perkongsian idea mengenai Pengajian Tinggi Malaysia 4.0 (HE 4.0) dan Pembangunan Teknologi Baharu Nasional IR4.0 diperolehi dan dikongsi bersama.</li><li>• Perkongsian idea ini amat penting dalam memantapkan lagi inisiatif UniMAP dalam menjadikan UniMAP sebagai 500 universiti terbaik di dunia. UniMAP.</li></ul>



## BENGKEL UNIMAP 2025 (FASA 1 : 2018-2019)

<b>TARIKH</b>	30 & 31 Mac 2018
<b>TEMPAT</b>	Hotel Putra Regency, Kangar
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Pengurusan Tertinggi & Ketua Jabatan
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengumpulkan seberapa banyak pendapat dan idea baru dalam proses pembangunan inisiatif dalam melaksana UniMAP 2025.</li> <li>2. Membuat perancangan tindakan inisiatif dalam melaksanakan UniMAP 2025.</li> <li>3. Memuktamadkan KPI Universiti dan Inisiatif UniMAP 2025.</li> </ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memantapkan Pelan Strategik UniMAP 2025.</li> <li>• Penghasilan Dokumen UniMAP 2025 sebagai rujukan dan panduan semua staf UniMAP dalam memperkukuh Pelan Strategi Universiti Malaysia Perlis.</li> </ul>



## BENGKEL PELAN TINDAKAN UNIMAP 2025 (FASA 1 : 2018-2019)

<b>TARIKH</b>	30 & 31 Julai 2018
<b>TEMPAT</b>	Hotel Seri Malaysia, Kangar
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Ketua, Setiausaha & Ahli-ahli Matlamat Strategik & Pemangkin
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghasilkan pelan tindakan UniMAP 2025 (Fasa I: 2018-2019).</li> <li>2. Membuat penambahbaikan inisiatif-inisiatif sedia ada.</li> <li>3. Memastikan segala inisiatif yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan.</li> <li>4. Meningkatkan pencapaian inisiatif ke tahap yang paling optimum.</li> <li>5. Memupuk budaya kerja berpasukan bagi menghasilkan inisiatif yang mantap dan berkualiti.</li> </ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan input penting bagi menghasilkan Dokumen Pelan Tindakan UniMAP 2025 (Fasa 1 : 2018-2019).</li> <li>• Dokumen ini bakal menjadi panduan dan petunjuk kepada semua staf UniMAP tentang hala tuju UniMAP untuk tahun akan datang.</li> </ul>



## SESI TAKLIMAT UNIMAP 2025: APA PERANAN SAYA? (FASA I, II & III)

<b>TARIKH</b>	5,15 & 18 Oktober 2018
<b>TEMPAT</b>	Dewan Keikhlasan Tingkat 10, Bangunan KWSP
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	JIPK, SPSK, Timbalan Pengarah, Dekan Pusat Pengajian dan Pegawai Kanan Universiti
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan pembangunan dan pelaksanaan UniMAP 2025 kepada semua peringkat staf.</li> <li>2. Memberi maklum tentang peranan dan tanggungjawab semua staf dan pusat tanggungjawab terhadap pelaksanaan UniMAP 2025.</li> <li>3. Mendapatkan maklumbalas dan input daripada pemilik proses dan pemilik data.</li> </ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil daripada sesi taklimat ini, setiap wakil pusat tanggungjawab akan membuat sesi taklimat di jabatan masing-masing.</li> <li>• Melalui sesi taklimat ini, setiap wakil PTj akan mendapat maklumat terperinci tentang UniMAP 2025 dan akan mampu menjadi penghubung antara PUSPEK dan jabatan.</li> <li>• Disamping itu, wakil yang hadir akan membantu Dekan &amp; Pengarah dalam memastikan Pelan Tindakan UniMAP 2025 dilaksanakan.</li> </ul>



## SESI LATIHAN PENGISIAN DATA PELAN STRATEGIK UNIMAP 2025 DALAM SISTEM ePIC

<b>TARIKH</b>	1 November 2018
<b>TEMPAT</b>	Bilik Inovasi PUSPEK
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Setiasaha Matlamat Strategik/Pemangkin
<b>OBJEKTIF</b>	Membantu peserta mengenal lebih lanjut proses kerja dalam perkara ini bagi memudahkan mereka menyalurkan data yang tepat dan berkualiti untuk perhatian pihak Pengurusan Tertinggi.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiasaha Matlamat Strategik dan Pemangkin dapat menggunakan sistem ePIC untuk menginput data Pelan Strategik UniMAP 2025 berpandukan manual pengguna yang disertakan.</li> </ul>



## BENGGKEL PENGENDALIAN MYMOHES

<b>TARIKH</b>	12 Oktober 2018
<b>TEMPAT</b>	Makmal Inovasi, PUSPEK
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Pemilik data dan pegawai teknologi maklumat MyMoheS
<b>OBJEKTIF</b>	Memperkenalkan sistem MyMoheS kepada staf PUSPEK yang terlibat dalam Pasukan MyMoheS dan aspek-aspek pengendalian utama sistem tersebut.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat oleh En. Mohd Fitri Edros dan Pn. Azilah sebagai Pegawai IT serta Penyelaras MyMoheS UniMAP.</li> <li>Taklimat ini juga dijalankan untuk peralihan pemilikan MyMoheS UniMAP dari Pejabat Pengurusan Akademik kepada Pusat Pembangunan Korporat &amp; Pengurusan Kualiti (PUSPEK) berkuatkuasa fasa ke-4 kemasukan data pelajar di akhir tahun.</li> </ul>





**LAPORAN AKTIVITI 2018**  
**PENGURUSAN KUALITI**



## PENGURUSAN KUALITI

Pengurusan kualiti UniMAP mengguna pakai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001. UniMAP telah berjaya memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 16 Julai 2010. Skop persijilan UniMAP merangkumi pembekalan pengajian tinggi (Sarjana Muda), penyelidikan, perundingan dan penerbitan.

Bermula dengan MS ISO 9001:2008, UniMAP telah membuat peralihan kepada MS ISO 9001:2015 (Quality Management Systems) pada tahun 2016. MS ISO 9001:2015 memberi penekanan kepada prinsip pengurusan kualiti seperti berikut:

- tumpuan kukuh terhadap pelanggan
- motivasi pengurusan tertinggi
- penglibatan semua orang dalam organisasi
- pendekatan proses
- pembuatan keputusan berasaskan bukti
- penambahbaikan berterusan.
- Pengurusan perhubungan

Penggunaan Sistem Pengurusan Kualiti ini membantu UniMAP memastikan perkara berikut:

- Pengurusan teras utama universiti yang lebih baik dalam memastikan keperluan pelanggan dan pemegang taruh dapat dipenuhi, justeru menghasilkan *output* yang lebih baik dari segi kualiti pelajar, bakat-bakat lain, perkhidmatan dan kepuasan pelanggan;
- Kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, memandangkan prosedur teras universiti dilaksanakan berdasarkan proses dan prosedur yang jelas yang memberi tumpuan kepada pengurangan pembaziran (masa, usaha, kos) dan penggunaan sumber secara optimum;
- Penambahbaikan berterusan, yang memerlukan UniMAP untuk sentiasa berusaha untuk memerikan perkhidmatan yang terbaik, melalui semakan proses dan maklum balas pelanggan; dan
- Peningkatan kedudukan UniMAP sebagai pembekal perkhidmatan pengajian tinggi yang mempunyai daya saing yang tinggi, justeru memberi keterlihatan pasaran yang baik dan kredibiliti kepada universiti.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris & En Abdul Ghani Fathil*

## **KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)**

KIK merujuk kepada kumpulan di UniMAP (yang terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik) yang sama-sama menyiasat, menganalisis, and mencari kaedah terbaik untuk menyelesaikan masalah di tempat kerja dengan cara berstruktur melalui penggunaan instrumen KIK dan proses penyelesaian masalah. Proses tersebut memberi peluang kepada setiap ahli kumpulan menyumbang idea/pandangan beliau dalam usaha menyelesaikan masalah.

Proses tersebut memberi pengiktirafan kepada nilai tambah yang ditawarkan oleh setiap ahli kumpulan, yang seterusnya meningkatkan motivasi kesemua ahli. Aktiviti yang terlibat dalam proses penyelesaian masalah memupuk kemahiran, keupayaan, keyakinan dan kreativiti staf yang terlibat, yang terhasil daripada proses perbincangan, latihan dan percubaan yang berterusan dalam usaha penyelesaian masalah. Penggunaan kitaran PDCA (*plan-do-check-act*) dalam proses KIK menyumbang kepada penggunaan kitaran tersebut dalam situasi kerja harian, justeru menyumbang kepada pembudayaan kecemerlangan di tempat kerja. UniMAP aktif dalam KIK sejak tahun 2004. Kumpulan KIK dari UniMAP aktif menghadiri Konvensyen KIK yang dilaksanakan, mempamerkan inovasi yang tercetus hasil daripada penggunaan instrument KIK dalam pelaksanaan projek KIK.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Abdul Ghani Fathil & En Muhammad Hidham Haris*

## **KAJIAN KEPUASAN STAF DAN MAHASISWA**

Sebagai keperluan QMS MS ISO 9001:2015, di bawah klausa 9.1.2, UniMAP diperlukan untuk mewujudkan mekanisme untuk mengukur kepuasan pelanggannya terhadap perkhidmatan dan produk yang ditawarkan.

PUSPEK melaksanakan Kajian Kepuasan Staf dan Mahasiswa untuk memenuhi keperluan ini, dan untuk memastikan universiti peka terhadap keperluan, kekusaran dan kepuasan staf. serta mahasiswa. Dapatan kajian dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), di mana isu yang timbul dibincang dan dicadangkan penyelesaian.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris & En Abdul Ghani Fathil*

## **SISTEM PENGURUSAN KUALITI**

### **eQDOC**

Sistem eQDoc ialah sistem pengurusan dokumentasi ISO atas talian yang boleh diakses oleh semua staf UniMAP. Dibangunkan pada Disember 2009, eQDoc membantu mengurangkan beban dan kos yang terlibat dalam proses dokumentasi ISO, serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi berkaitan ISO di universiti.

*Pegawai PUSPEK yang bertanggungjawab: En Mohamed Roshimi Md Shahor*

# LAPORAN AKTIVITI 2018

## LAWATAN PENANDA ARAS MS ISO 9001:2015

<b>TARIKH</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. 8 Februari 2018</li><li>2. 9 Februari 2018</li><li>3. 5 April 2018</li><li>4. 6 Disember 2018</li></ol>
<b>TEMPAT</b>	Makmal Inovasi, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Staf Kolej Vokasional Balik Pulau, Pulau Pinang</li><li>2. Staf Kolej Matrikulasi Perak</li><li>3. Universiti Utara Malaysia</li><li>4. Staf Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis</li></ol>
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Membantu peserta yang hadir untuk melaksanakan SPK mengikut keperluan-keperluan baru dalam piawaian MS ISO 9001:2015.</li><li>2. Melebarkan hubungan kerjasama diantara UniMAP dengan agensi kerajaan yang lain.</li><li>3. Membantu PUSPEK dari segi penajaan kewangan jika agensi kerajaan tersebut menjemput PUSPEK untuk menganjur kursus berkenaan MS ISO 9001:2015.</li></ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<p>Hasil daripada penanda aras tersebut, 3 organisasi kerajaan dan 1 universiti awam telah memperoleh perkara-perkara berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Maklumat mengenai pelaksanaan SPK di UniMAP setelah UniMAP diiktiraf sebagai Universiti Awam PERTAMA memperoleh persijilan ISO 9001:2015.</li><li>ii. Pengalaman dan cabaran UniMAP dalam menghadapi audit Persijilan semula ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS.</li><li>iii. Pelaksanaan UniMAP dalam keperluan baru MS ISO 9001:2015 terutamanya berkenaan Pemikiran Berasaskan Risiko.</li></ol>



## BENGKEL PEMURNIAN DOKUMEN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015

<b>TARIKH</b>	13 hingga 15 April 2018
<b>TEMPAT</b>	Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Baling, Kedah
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Dekan Pengurusan Akademik, Timbalan Dekan Akademik, Penyelaras JIPK, Staf Bahagian Pengurusan Akademik TNC A & A & Pendaftar
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyelaraskan penggunaan prosedur kualiti berpusat untuk digunakan di semua pusat pengajian.</li> <li>2. Pendedahan kepada Timbalan Dekan Akademik dan Penyelaras Jaringan Industri dan Pengurusan Kualiti (PJIPK) lantikan baru terhadap MS ISO 9001:2015 untuk dikaitkan dengan perubahan di dalam prosedur kualiti UniMAP.</li> </ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prosedur SPK yang telah dihasilkan dapat dijadikan rujukan utama oleh pensyarah-pensyarah pusat pengajian dan universiti dalam proses kerja PnP.</li> <li>• Prosedur SPK yang dihasilkan adalah persediaan UniMAP untuk menghadapi Audit Persijilan oleh SIRIM QAS.</li> </ul>



## MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN BIL.1/2018

<b>TARIKH</b>	15 Mei 2018
<b>TEMPAT</b>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 3, Jabatan Pendaftar
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Pengurusan Tertinggi UniMAP, Dekan, Ketua Jabatan, Penyelaras Jaringan Industri & Pengurusan Kualiti (PJIPK), Pengerusi Sistem Pengurusan Strategik & Kualiti (SPSK), Pemilik Proses dan Juruaudit Dalaman UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesedaran tentang keperluan SPK di UniMAP.</li> <li>2. Beberapa cadangan penambahbaikan dapat diusulkan bagi membantu PTj yang ingin mencapai objektif kualiti.</li> <li>3. Ahli mesyuarat dapat maklumat berkenaan status SPK di UniMAP.</li> </ol>
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan status pelaksanaan SPK di UniMAP dapat dikongsi bersama semua staf UniMAP.</li> <li>• Segala keputusan mesyuarat berkenaan SPK dapat diputuskan di dalam MKSP ini.</li> <li>• Beberapa cadangan penambahbaikan dapat diusulkan bagi membantu PTj untuk mencapai objektif kualiti.</li> </ul>



## AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001 : 2015 OLEH SIRIM QAS INTL. SDN. BHD

<b>TARIKH</b>	4, 5 & 6 Julai 2018
<b>TEMPAT</b>	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Wakil Pengurusan , staf Pusat Pengajian & PTj yang terlibat
<b>OBJEKTIF</b>	Mengesahkan Sistem Pengurusan Kualiti di UniMAP adalah berterusan dilaksanakan dan diselenggarakan menepati keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh piawaian MS ISO 9001:2015
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS telah diketuai oleh juruaudit SIRIM iaitu Cik Hanida Ghazali dan dibantu oleh Puan Noridah.</li> <li>• Antara pusat pengajian dan PTj yang terlibat adalah PUSPEK, PPK Alam Sekitar, Perpustakaan, PPK Pembuatan dan Pusat Kerjasama Industri &amp; Agensi Kerajaan (CIGC).</li> <li>• UniMAP berjaya mengekalkan persijilan MS ISO9001:2015 dengan laporan ketidakpatuhan 'sifar' dan hanya memperolehi 4 laporan penambahbaikan.</li> </ul>



## AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015

<b>TARIKH</b>	Oktober – November 2018
<b>TEMPAT</b>	Di semua Pusat Pengajian & Pusat Tanggungjawab dalam skop persijilan
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)
<b>OBJEKTIF</b>	Menentukan keberkesanan pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dalam memenuhi Polisi Kualiti dan Objektif Kualiti UniMAP.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu proses penambahbaikan dalam SPK.</li> <li>• Memastikan SPK UniMAP sentiasa memenuhi keperluan piawaian MS ISO 9001:2015.</li> <li>• Kesedaran mengenai SPK kepada staf boleh dikongsi semasa proses audit dalaman berlangsung.</li> </ul>



## KONVENSYEN MINI KIK PERINGKAT UNIMAP 2017

<b>TARIKH</b>	3 Mei 2018
<b>TEMPAT</b>	Makmal Inovasi PUSPEK
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	PTJ UniMAP/ KUMPULAN KIK UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	Meningkatkan pengetahuan serta kemahiran staf UniMAP dalam KIK.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Acara tahunan ini merupakan kayu ukur penglibatan PTJ UniMAP dalam aktiviti KIK.</li><li>• Sebanyak 7 kumpulan berjaya menyiapkan projek KIK sehingga Konvensyen Mini KIK UniMAP.</li><li>• Johan serta naib Johan kategori teknikal telah dipilih untuk mewakili UniMAP ke peringkat UA tahun 2018.</li></ul>



## BENGKEL PERSEDIAAN KE KONVENSYEN KIK TERBUKA UUM

<b>TARIKH</b>	5 Mei 2018
<b>TEMPAT</b>	Makmal PPK Pembuatan
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Kumpulan REKA PPK Pembuatan UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	Persediaan rapi untuk menyertai Konvensyen KIK Terbuka UUM 2018.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dokumen dapat disemak dan format dapat dibetulkan serta data untuk konvensyen tersebut.</li><li>• Kumpulan REKA lebih bersedia dari segi dokumentasi dan persembahan.</li></ul>



## KONVENSYEN KIK TERBUKA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

<b>TARIKH</b>	14 – 15 Mei 2018
<b>TEMPAT</b>	Dewan Tuanku Canselor Universiti Utara Malaysia
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Kumpulan REKA Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
<b>OBJEKTIF</b>	Memberikan pendedahan kepada ahli KIK UniMAP ke pentas terbuka serta bersaing dalam kalangan sektor industri di utara tanah air.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• UniMAP telah memilih Kumpulan REKA PPK Pembuatan untuk mewakili UniMAP ke Konvensyen KIK Peringkat Terbuka UUM 2018.</li> <li>• Pertandingan pada 14 dan 15 Mei 2018 diadakan di UUM di mana dua kategori dipertandingkan.</li> <li>• UniMAP menerusi kumpulan REKA telah menyertai kategori Teknikal dengan projek KIK “Hasil Menuai Cili di Ladang UniMAP Merosot”.</li> <li>• Kumpulan REKA dengan inovasi ini telah melakukan penyelidikan serta mencipta mesin Agro CC yang memberikan impak positif dalam menuai cili di ladang UniMAP.</li> <li>• Kumpulan ini meraih Naib Johan Kategori Teknikal.</li> </ul>



## BENGKEL SEMAKAN DOKUMEN KIK KUMPULAN INDETEG

<b>TARIKH</b>	3 Julai 2018
<b>TEMPAT</b>	Makmal Inovasi PUSPEK
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Kumpulan INDETEG FTK UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	Menyemak format dokumentasi kumpulan KIK sebelum cetak dan hantar kepada sekretariat Konvensyen KIK Peringkat UA Kali Ke-14.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Persembahan dokumentasi Kumpulan INDETEG ke Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam (UA) Kali Ke-14 di Universiti Malaya.</li><li>• Kumpulan INDETEG melaksanakan dokumen lengkap mengikut format yang telah ditetapkan oleh sekretariat.</li></ul>



## BENGGEL KIK KE KONVENSYEN UNIVERSITI AWAM

<b>TARIKH</b>	18 Julai 2018
<b>TEMPAT</b>	Makmal Inovasi PUSPEK
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Kumpulan INDETEG FTK UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	Sebagai persediaan persembahan bagi menyertai Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>Kumpulan INDETEG lebih bersedia dan yakin dalam menyertai Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam.</li></ul>



# KONVENSYEN KIK PERINGKAT UA KALI KE-14 TAHUN 2018

<b>TARIKH</b>	13 - 16 Ogos 2018
<b>TEMPAT</b>	Universiti Malaya
<b>PESERTA/KEHADIRAN</b>	Kumpulan REKA PPK Pembuatan & INDETEG FTK UniMAP
<b>OBJEKTIF</b>	Bersaing pada peringkat kebangsaan bersama universiti penyelidikan yang lain.
<b>KEBERHASILAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan REKA dari PPK Pembuatan dan kumpulan INDETEG dari FTK mewakili UniMAP ke Konvensyen KIK Peringkat UA Kali Ke-14 di UM.</li> <li>• Kedua-dua kumpulan tersebut mewakili kategori Teknikal. Dengan penyertaan kali ini, Kumpulan REKA mendapat anugerah Emas dan Kumpulan INDETEG mendapat anugerah PERAK.</li> </ul>





**LAPORAN LATIHAN STAF**  
**2018**



# LAPORAN LATIHAN STAF 2018

BIL	NAMA STAF	JAWATAN	SENAM ROBIK	KURSUS	HARI
1	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon	Pen. Naib Canselor	11 (3)	19	47
2	Dr. Norshahrizan Nordin	Timbalan Pengarah	3 (1)	15	32
3	En. Abdul Ghani Bin Fathil	Pegawai Tadbir	1 (0)	8	15
4	En. Budiman Ikhwandee Bin Fadzilah	Pegawai Tadbir	4 (1)	4	5
5	En. Mohamed Roshimi Bin Md Shahor	Pegawai Teknologi Maklumat	7 (2)	7	9
6	En. Muhammad Hidham Bin Haris	Pegawai Tadbir	8 (2)	9	21
7	Pn. Nurul Asyikin Binti Fadzil	Pegawai Tadbir	13 (4)	20	35
8	Liyana Abdul Halim	Setiausaha Pejabat	10 (3)	10	11
9	Pn. Norzamira Binti Man	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	23 (7)	10	11
10	En. Mohd Fazlie Bin Yusoff	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	3 (1)	4	9
11	Pn. Zauyah Binti Mustafa	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	14 (4)	14	16
12	Pn. Suhana Binti Shaari	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	25 (8)	10	14
13	En. Hasmizul Bin Hashim	Pembantu Operasi	2 (0)	7	8

**Nota:**

3 kali kehadiran senamrobik di kira 1 hari berkursus.



**LAPORAN CUTI STAF**  
**2018**



# LAPORAN CUTI STAF 2018

BIL	NAMA STAF	CUTI 2018	CUTI YANG DIGUNAKAN TAHUN 2018			BAKI CUTI DIBAWA KE 2019
			REHAT	SAKIT	LAIN-LAIN	
1	Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon	30	12	1	0	12
2	Dr. Norshahrizan Binti Nordin	30	22	2	0	8
3	Abdul Ghani Bin Fathil	28	28	2	0	0
4	Mohamed Roshimi Bin Md. Shahor	31	31	2	0	0
5	Nurul Asyikin Binti Fadzil	27	27	9	5 (P) 2 (CTR)	0
6	Zauyah Binti Mustafa	20	17	6	5(P) 2 (CTR)	3
7	Hasmizul Bin Hashim	26	22	5	0	4
8	Budiman Ikhwandee Bin Fadzilah (K)	10	10	3	1 (CTR)	0
9	Muhammad Hidham Bin Haris (K)	19	18	2	1 (CTR)	1
10	Liyana Bt Abdul Halim @ Selvaratnam (K)	13	10	0	0	3
11	Norzamira Binti Man (K)	20	14	6	3 (P) 2 (CTR)	6
12	Mohd. Fazlie Bin Yusoff (K)	6	6	0	0	0
13	Suhana Binti Shaari (K)	5	4	1	3 (P) 2 (CTR)	1

## NOTA:

P : Pampasan

CTR : Cuti Tanpa Rekod


K : Kelayakan cuti bagi tahun 2018 staf kontrak adalah mengikut kontrak tahun semasa sehingga 31 Dis 2018



**LAPORAN KEWANGAN**  
**2018**



# LAPORAN PERBELANJAAN 2018



# LAPORAN KEWANGAN PUSPEK 2018

	PERUNTUKAN	VIREMEN	PERBELANJAAN	BAKI
VOT21	RM17,120.00	RM1,500.00	RM16,516.09	RM2,103.91
VOT23	RM1,800.00	RM(1,200.00)	RM600.00	-
VOT24	RM1,680.00	-	RM1,584.48	RM95.52
VOT25	RM1,200.00	RM(500.00)	RM679.20	RM20.80
VOT27	RM4,000.00	RM800.00	RM4,624.35	RM175.65
VOT28	RM2,800.00	RM(2,300.00)	RM490.84	RM 9.16
VOT29	RM5,000.00	RM2,538.59	RM3,265.00	RM4,273.59
VOT52	RM1,000.00	RM(838.59)	RM161.37	RM0.04
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 34,600.00</b>	<b>RM0.000</b>	<b>RM27,921.33</b>	<b>RM6,678.67</b>

## PETUNJUK:

- VOT21 Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup
- VOT23 Perhubungan dan Utiliti
- VOT24 Sewaan
- VOT25 Bahan-bahan Makanan dan Minuman
- VOT27 Bekalan dan Bahan-bahan Lain
- VOT28 Penyelenggaraan dan Pembaikan
- VOT29 Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti
- VOT52 Bayaran-bayaran lain

*Nota: Maklumat dikemaskini pada 31 Disember 2018*



**PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI**

TINGKAT 1, BLOK D,  
JALAN KANGAR-ALOR SETAR,  
TAMAN PERTIWI INDAH,  
01000 KANGAR,  
PERLIS

TEL: 04 979 8644 | FAKS: 04 979 8648

*<http://puspek.unimap.edu.my>*